

PEMAKAIAN ELEMEN MAQASID SHARIAH DALAM INSTITUSI FATWA DI MALAYSIA

Dr. Nora`inan Bt. Bahari
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
norainan@kuis.edu.my

ABSTRAK

Pemakaian elemen maqasid shariah jelas diaplikasikan dalam pelbagai hukum termasuk muamalat dalam zaman Rasulullah SAW, sahabat dan *tabi`in*. Pemakaiannya kemudian diperluaskan oleh kalangan sarjana masa kini yang merumuskan bahawa hukum transaksi muamalat secara umum diharuskan sekiranya memberikan kemanfaatan terhadap masyarakat dan diharamkan apabila membawa kerrosakan terhadap kehidupan. Justeru, kajian secara kualitatif ini akan menganalisis dan menilai pemakaian maqasid shariah dalam fatwa berkaitan muamalat di Malaysia. Kajian melibatkan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dan Pulau Pinang dengan menjelaskan latar belakang institusi-institusi ini, kaedah penetapan fatwa atau hukum dan penerbitan-penerbitan utama yang dijadikan rujukan untuk menghuraikan pemakaian maqasid shariah dalam fatwa. Berdasarkan analisis dan penilaian yang dilakukan terhadap beberapa sampel pandangan hukum oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri terdapat pemakaian lima elemen maqasid shariah. Hasil kajian ini menyimpulkan bahawa pemakaian maqasid shariah boleh menambahbaik pandangan hukum dan fatwa yang diputuskan, justeru tindakan bersepada dalam pelbagai aspek perlu dilakukan bagi membolehkan kaedah pemakaian yang tepat dengan Syariat bagi memenuhi keperluan masyarakat masa kini sesuai dengan prinsip maqasid shariah untuk melestarikan kemaslahatan dan mengelakkan kemudaratannya di dunia dan akhirat.

Kata kunci: pemakaian, elemen, maqasid shariah, institusi fatwa

PENGENALAN

Fatwa ditakrifkan oleh Ibn Manzur (t.t.) dengan menjelaskan dan menghuraikan hukum sesuatu permasalahan manakala al-Marbawi (1935) mengertikannya dengan hukum syarak yang dikeluarkan oleh mufti. Al-Zuhrah (1957) pula mendefinisikannya sebagai hasil persoalan terhadap kejadian yang telah berlaku. al-Qaradawi (1989) pula menambah persoalan tersebut sama ada datang daripada individu atau kumpulan tertentu dan sama ada berkaitan dengan sesuatu isu yang umum atau khusus. Bagaimana pun orang yang bertanya boleh memilih mana-mana fatwa yang dikeluarkan untuk diikuti.

Berdasarkan penjelasan di atas, fatwa adalah jawapan kepada sesuatu permasalahan hukum oleh seseorang mufti atau mujtahid yang tidak mewajibkan orang yang bertanya untuk berpegang kepada fatwa yang dikeluarkan. Malahan penanya mempunyai hak untuk mengikuti mana-mana fatwa yang dikeluarkan oleh mufti atau mujtahid lain yang memenuhi syarat kelayakan untuk mengeluarkan fatwa dan menggunakan kaedah pengeluaran hukum yang sahih serta menjadikan falsafah dan prinsip-prinsip syariah yang berada dalam perbincangan Usul fiqh dilaksanakan secara praktikal ketika berijtihad bagi mengeluarkan fatwa. (Khalid Mas`ud, 1996).

Justeru, fatwa dikeluarkan khusus untuk sesuatu persoalan yang ditimbulkan sahaja. Ia berlainan dengan ijтиhad yang juga merupakan perbuatan mengeluarkan hukum kerana ia meliputi bukan sahaja sesuatu perkara itu telah terjadi atau yang belum terjadi juga (Al-Zuhrah (1957). Dewasa ini, kebanyakannya mufti yang dilantik tidak mencapai martabat mujtahid yang mutlak bahkan kebanyakannya mengambil pandangan daripada pelbagai mazhab fiqh yang muktabar apabila mengeluarkan fatwa. Oleh itu adalah menjadi satu kewajipan untuk seseorang mufti menjawab sesuatu persoalan berkaitan sesuatu hukum, sama ada secara individu atau secara kolektif. Ditambah lagi apabila berlaku perubahan-perubahan masa, tempat, uruf, maslahah, maklumat, keadaan, keperluan, kemampuan dan darurat yang menyebabkan fatwa perlu diubah (Irwan, 2012). Bagaimanapun, bagi memastikan proses pengeluaran fatwa benar-benar berdasarkan metode pengeluaran hukum dan mengambilkira suasana semasa, fatwa yang dilakukan itu hendaklah dipastikan tidak berlawanan dengan nas Syarak dari al-Quran dan al-Sunnah, ijma' jumhur ulama dan meraikan maqasid shariah atau tujuan syariat (al-Subki, 2004). Justeru, menjadikan maqasid shariah sebagai asas pertimbangan dalam sebarang fatwa dan perubahan fatwa adalah selaras dengan tujuan syariat untuk memastikan maslahah dan menjauhkan kemudaratan daripada manusia selaras dengan amalan Rasulullah S.A.W., para sahabat dan tabi'in yang menjadikan maqasid shariah sebagai asas mengeluarkan hukum atau fatwa (al-Qaradawi, 2001).

Di Malaysia, persoalan fatwa terletak dalam Jadual ke-9 Perlembagaan Persekutuan berkaitan kuasa negeri untuk mengurus tadbir hal ehwal agama Islam selaras dengan fungsi Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai ketua agama Islam kecuali bagi negeri-negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan yang diketuai oleh Yang Di-Pertuan Agong (Perkara 42(10) Perlembagaan Persekutuan).

Berdasarkan peruntukan tersebut, Majlis-majlis Agama Islam Negeri ditubuhkan untuk membantu dan menasihati Yang Di-Pertuan Agong dan Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam. Penubuhan Majlis Agama Islam pertama di Malaysia ialah di negeri Kelantan pada tahun 1915 yang berperanan untuk memastikan kebijakan umat Islam terjamin dari aspek kerohanian, ekonomi, sosial dan pendidikan. Seterusnya bagi meningkatkan keberkesanannya, jabatan agama Islam, mahkamah syariah dan jabatan mufti telah diasingkan yang memberi kuasa kepada mufti untuk mentadbir urusan berkaitan fatwa di negeri-negeri (Mohamed Azam, 2016). Dalam perkembangan terkini Bahagian Pendakwaan Syariah juga telah dipisahkan daripada Jabatan Agama Islam dengan yang terawalnya di Wilayah Persekutuan dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri pada 1 November 2016 (www.islam.gov.my/jawi/1172-profil, 17 Mei 2018).

Institusi fatwa di Malaysia yang merangkumi Majlis Fatwa Kebangsaan di peringkat Persekutuan, Jawatankuasa Fatwa di Negeri-negeri, Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (Perbankan Islam dan Takaful) dan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (Pasaran Modal Islam) bertanggungjawab mengeluarkan fatwa dan keputusan hukum. (Hasnan Kasan, 2008 dan laman web jabatan mufti negeri-negeri). Keempat-empatnya mempunyai autoriti tersendiri dalam bidang dan skop masing-masing, tetapi tiada percanggahan yang jelas kerana wujudnya ruang kerjasama dan persefahaman antara badan-badan ini (Temubual dengan Akram Laldin, 2015)

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen bagi menilai pemakaian elemen-elemen maqasid shariah dalam fatwa dan pandangan hukum oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (JKFK) dan Jawatankuasa Fatwa Negeri (JKFN) Selangor dan Pulau Pinang. Data-data (JKFK) tersebut diambil daripada himpunan fatwa-fatwa bermula dari tahun 1970 sehingga 2015. Hanya dua sampel fatwa yang mengandungi elemen-elemen maqasid shariah berkaitan hukum muamalat dianalisis daripada jumlah keseluruhan 47 fatwa JKFK, 86 Fatwa JKFN Pulau pinang dan 59 fatwa JKFN Selangor. Kaedah analisis dokumen ini dilakukan dengan sistematik dalam mengumpulkan data berkaitan elemen-elemen maqasid shariah daripada buku-buku karangan para ulama Usul masa lalu dan masa kini yang terdiri daripada al-Ghazali, al-Shatibi, `Izz al-Din, Ibn `Ashur, al-Raysuni, al-Buti, al-Fasi, al-Khadami dan al-Qaradawi. Bagi melengkapkan kajian juga, kaedah temubual dilakukan terhadap mufti dan pakar bidang kewangan Islam di Malaysia.

PEMAKAIAN MAQASID SHARIAH DALAM FATWA DAN PERUNDANGAN NEGARA

Bahagian ini akan menjelaskan kedudukan kedua-dua institusi ini dalam mengeluarkan fatwa dari sudut perundangan Malaysia. Seterusnya menganalisis kaedah yang digunakan dalam pengeluaran hukum dan kedudukan maqasid shariah sebagai sumber rujukan dalam pengeluaran fatwa.

Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (diringkaskan sebagai Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan) ditubuhkan pada awal tahun 1970 berdasarkan Perkara 11 Peraturan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Perkara ini selaras dengan peruntukan Fasal (2) (b) Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan:

“Majlis Raja-Raja hendaklah menjalankan fungsinya bagi- mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama diperluas ke Persekutuan secara menyeluruh”.

Persidangan pertama Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah dijalankan pada 23 dan 24 Jun 1970. Ia kemudiannya telah dilaksanakan sebanyak 18 kali dan yang terakhir adalah pada 14 Mei 1980. Sebelum ditukar kepada ‘Muzakarah’ dan pertama kali diadakan pada 28 hingga 29 Jun 1981 dengan nama Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Majlis Muzakarah Fatwa Kebangsaan. Salah satu sebab pertukaran ini adalah kerana Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan jarang sekali bersidang dan yang selalu diadakan ialah Muzakarah Ahli Jawatankuasa kerana ia tidak terikat dengan prosedur Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan tidak mengikat negeri untuk melaksanakannya (Hasnan, 2008 dan Luqmanulhakim, 2013).

Perlantikan pengurus Jawatankuasa fatwa ini dibuat oleh Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Persekutuan dalam kalangan ahlinya, manakala negeri-negeri diwakili oleh mufti masing-masing. Ia diperkuuhkan dengan lantikan sembilan orang pakar dalam agama Islam, kalangan profesional, pakar-pakar Muslim yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja bagi sesuatu isu yang dibahaskan dan seorang ahli beragama Islam dari perkhidmatan kehakiman dan undang-undang atau dari profesion undang-undang yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja (Hasnan, 2008 dan Luqmanulhakim, 2013).

Jawatankuasa ini mempunyai tanggungjawab untuk menimbang dan memutuskan, serta mengeluarkan fatwa berkenaan dengan agama Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Pendapat hukum tersebut kemudiannya dikemukakan kepada MKI yang kemudiannya menghantar kepada Majlis Raja-Raja. Terdapat dua prosiding pengeluaran hukum oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan; melalui arahan Majlis Raja-Raja (MRR) atau tanpa arahan Majlis Raja-Raja melalui Jawatankuasa Muzakarah MKI. (Fasal 11 (a) (i-iv) dan Fasal 14, Peraturan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, 2012)

Bagi prosiding pertama, hukum atau fatwa yang telah diterima oleh Majlis Raja Raja akan dibawa kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri tanpa pindaan dan diwartakan serta mengikat penduduk di negeri-negeri. (Harussani Haji Zakaria, 2012). Seksyen 52 memerlukan:

1. Jawatankuasa Fatwa hendaklah menerima pakai apa-apa nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang menyentuh perbuatan atau amalan yang dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja merupakan perbuatan atau amalan yang meliputi seluruh Persekutuan menurut Fasal 2(b) Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan.
2. Nasihat atau syor yang diterima pakai menurut kuasa Subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai fatwa dan Seksyen 48, kecuali Subseksyen 48(7), hendaklah terpakai baginya.
3. Sesuatu fatwa yang disiarkan dalam Warta hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah Seksyen ini.

Manakala prosiding kedua iaitu pengeluaran hukum tanpa arahan Majlis Raja Raja dilakukan apabila terdapat permohonan untuk fatwa bagi sesuatu isu daripada masyarakat Islam atau pihak-pihak tertentu. Sebuah kertas cadangan yang mengandungi kajian terhadap isu tersebut akan dibentangkan dalam Mesyuarat Panel Kajian Syariah atau Mesyuarat Panel Kajian Akidah. Seterusnya dibawa ke mesyuarat Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Keputusan daripada muzakarah ini seterusnya dibawa kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri yang boleh meminda atau menerima keputusan tersebut seterusnya mewartakannya. Fatwa yang diwartakan adalah mengikat semua umat Islam di negeri tersebut dan menjadi sebahagian daripada undang-undang yang boleh dikuatkuasakan. Oleh itu peranan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dalam prosiding ini adalah menasihati negeri sahaja dengan pandangan hukum yang dikeluarkan bukan sebagai fatwa yang mengikat negeri-negeri untuk menguatkuasakannya. (Haji Wan Salim bin Wan Mohd, 2015).

Oleh itu penyaringan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri terhadap fatwa yang perlu diwartakan adalah sesuatu yang signifikan untuk memastikan kepentingan umat terjaga. Tambahan lagi matlamat utama fatwa bukanlah hanya menjatuhkan hukum semata-mata tetapi untuk mendidik umat Islam agar kehidupan yang dijalani selaras dengan tuntutan Syarak (Abdul Shukor, 2012 dan Mahamad Naser, 2012).

Dalam proses pengeluaran fatwa, pendekatan usul fiqh digunakan dengan merujuk kepada nas-nas al-Quran al-Sunnah, ijmak dan qiyas. Selain itu, rujukan juga dibuat terhadap pendapat-pendapat sahabat, tabi`in, imam-imam mazhab dan fuqaha melalui penelitian terhadap dalil dan teknik pendalilannya (*wujuh istidlal*). Rujukan terhadap pendapat mazhab Shafie akan diberi keutamaan apabila berkaitan dengan penentuan hukum sesuatu masalah. Sekiranya tiada, barulah dirujuk pandangan mazhab-mazhab Ahlu Sunnah yang lain bagi mendapatkan pandangan yang mempunyai dalil yang lebih kuat dan lebih membawa maslahah kepada umat Islam di Malaysia untuk difatwakan. Setelah itu, barulah dilakukan ijтиhad secara kolektif sekiranya tiada jawapan daripada sumber-sumber di atas (Abdul Shukor, 2012).

Penglibatan pakar-pakar dalam bidang-bidang tertentu seperti sains, perubatan dan ekonomi juga diperlukan bagi memastikan keputusan yang diputuskan benar-benar tepat, komprehensif dan berwibawa. Jakim contohnya telah melantik panel pakar muamalat yang membantu pihak JAKIM dalam hal berkaitan dengan muamalat. Peranan mereka adalah mengkaji dan merumuskan isu-isu semasa muamalat, memberikan pandangan dalam bentuk dalil dan hujah pensabitan sesuatu hukum yang baharu, memberi ulasan dan pandangan terhadap kajian isu muamalat dan memberi khidmat nasihat dan rujukan dalam isu muamalat agar selaras dengan Syarak. Berdasarkan huraian di atas, jelaslah bahawa maqasid shariah bagi mencapai maslahah umat manusia itu direalisasikan dalam proses dan penentuan hukum atau fatwa yang dikeluarkan. (http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/latar_belakang/ penubuhan, 2019).

Jawatankuasa Fatwa Negeri

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri memperuntukkan perundangan berkaitan fatwa yang merangkumi perlantikan mufti dan timbalan mufti sehingga kepada qaul muktamad yang hendak diikuti dalam mengeluarkan fatwa. Contohnya adalah seperti di negeri Selangor (Seksyen-seksyen 44 sehingga 54 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003). Jawatankuasa Fatwa Negeri yang dipengerusikan oleh mufti dalam urusan pengeluaran fatwa terdiri daripada beberapa orang yang dipilih dan mempunyai pelbagai latar belakang yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Yang Dipertuan Agong (bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai sultan) (Seksyen 46(1) dan 46(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003).

Jawatankuasa ini mempunyai pelbagai nama tetapi mempunyai fungsi yang sama antaranya; Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak bagi Wilayah Persekutuan dan negeri Pahang; Jawatankuasa Syariah bagi negeri Perlis, Majlis Fatwa bagi negeri Sabah; Ahli-ahli Lembaga Fatwa bagi negeri Sarawak; Jawatankuasa Fatwa bagi negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Terengganu; serta Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Daripada 14 buah negeri itu, lapan daripadanya menggunakan istilah Jawatankuasa Fatwa manakala dua menggunakan Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak; dan setiap satu yang lain bagi baki empat negeri menggunakan istilah Jawatankuasa Syariah, Majlis Fatwa, Ahli-ahli Lembaga Fatwa dan Jemaah Ulama (Laman sesawang Jabatan-jabatan Mufti Negeri seperti laman web Jabatan Mufti Selangor, 30 Ogos 2018).

Jawatankuasa-jawatankuasa ini dianggotai antara 5 hingga 17 ahli berbeza dari negeri ke negeri yang kebiasaannya. Sebagai contoh, dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003 (EPAIS), memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Fatwa yang terdiri daripada mufti dan timbalan mufti serta ahli-ahli yang lain terdiri daripada Penasihat Undang-undang Negeri, dua orang ahli Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), seorang pegawai daripada Jabatan Agama Islam Selangor yang dilantik oleh MAIS, dua orang tetapi tidak lebih tujuh orang yang layak untuk dilantik oleh MAIS dan seorang pegawai daripada Jabatan Mufti yang bertindak sebagai setiausaha. (Bahagian III, Seksyen 44-54 EPAIS)

Merujuk peruntukan di atas, bidang kuasa Jawatankuasa ini adalah berdasarkan perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan kehendak sendiri atau permintaan orang ramai kepada mufti untuk menyediakan suatu fatwa atas persoalan belum muktamad/ menimbulkan kontroversi berhubungan hukum Syarak. Bagaimanapun, hanya fatwa yang disiarkan dalam warta akan

mengikat semua rakyat beragama Islam di Selangor dan diiktiraf oleh semua mahkamah dalam negeri Selangor.

Seksyen 54 (1) menjelaskan tentang qaul muktamad atau pendapat yang tuntas semasa mengeluarkan fatwa yang perlu dilakukan secara peringkat demi peringkat dan berturutan.

1. Mengikut qaul muktamad mazhab Shafie.
2. Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat mengikut qaul (pendapat) mazhab adalah berlawanan dengan kepentingan awam, jawatankuasa bolehlah mengikut qaul mazhab Hanafi, Maliki dan Hambali.
3. Jika tiada satu pun boleh dikuti, tanpa membawa keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, bolehlah berijtihad tanpa terikat dengan qaul muktamad mana-mana mazhab empat.

Dalam peruntukan di atas juga, ketegasan untuk merujuk pandangan mazhab Shafie masih berlaku manakala rujukan terhadap qaul/pendapat muktamad mazhab yang lain hanya apabila qaul muktamad berlawanan dengan kepentingan awam (maslahah). Oleh itu ijtihad adalah alternatif terakhir sekiranya sumber-sumber di atas tidak dapat menjawab persoalan yang dikemukakan atau bertentangan dengan maslahah atau maqasid shariah. Malahan fatwa yang dikeluarkan secara kolektif itu dilakukan melalui kajian oleh mereka yang berkelayakan untuk membuat fatwa sebelum dibincangkan dalam jawatankuasa. Ia tidak dikeluarkan secara individu sebagaimana Peruntukan 48 (1) (2) (<http://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-personalisation/proses-fatwa-2018>).

Justeru, adalah perlu maqasid shariah atau tujuan Syarak diambil kira dalam pengeluaran fatwa agar sesuatu fatwa yang dikeluarkan itu mempunyai roh bukan sekadar hukum semata-mata. Berdasarkan tatacara dalam proses pengeluaran fatwa di peringkat negeri seperti yang diuraikan di atas, terdapat persamaan dengan tatacara di peringkat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Bagaimanapun pernyataan yang ringkas dalam koleksi fatwa yang diterbitkan di negeri kadangkala menyukarkan masyarakat untuk mengesan sumber yang digunakan. Sebagai contoh di Terengganu. (Koleksi Warta Fatwa Negeri Trengganu Darul Iman, 2012). Sungguhpun demikian, penjelasan yang terperinci tentang proses pengeluaran fatwa boleh dilihat dalam Seksyen 46-54 Bahagian III Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Terengganu) 2001.

STATISTIK PANDANGAN HUKUM DAN FATWA

Bahagian ini menumpukan kepada proses analisis dan perbincangan statistik pandangan hukum dan fatwa institusi-institusi fatwa di Malaysia dan bagi mengelakkan kekeliruan, perkataan fatwa akan digunakan bagi kedua-dua institusi ini. Ia dilakukan dengan tujuan untuk mengenalpasti jumlah keseluruhan fatwa dan resolusi yang ada sebelum pemilihan sampel yang menggunakan perkataan maqasid shariah dengan jelas atau yang mengandungi elemen-elemen maqasid shariah.

1. Statistik Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan

Di Malaysia, fatwa dibahagikan kepada tiga jenis iaitu fatwa yang diwartakan, tidak diwartakan dan pandangan hukum oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang memutuskan sesuatu perkara yang berkaitan dengan kepentingan seluruh Persekutuan serta dihadiri oleh semua mufti. Pada dasarnya pengeluaran fatwa terletak di bawah kuasa Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan majlis mempunyai kuasa untuk menyiarkan fatwa yang telah diputuskan dengan

kuasanya sendiri atau melalui Jawatankuasa Fatwa yang telah dilantik oleh Majlis. Namun begitu, bagi persoalan atau permasalahan hukum yang melibatkan negara dan kemaslahatan ummah secara umum akan dibawa ke peringkat kebangsaan untuk dikaji secara terperinci di dalam sesi muzakarah bersama ahli panel yang pakar untuk mendapatkan pandangan dan penjelasan terhadap isu-isu yang tidak jelas atau taklimat terperinci bagi membolehkan semua Ahli Jawatankuasa Fatwa mendapat maklumat yang tepat sebelum mengeluarkan keputusan hukum (Zaini Nasohah, 2018).

Metode dokumentasi yang digunakan dalam melengkapkan data bagi statistik fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan adalah merujuk kepada penerbitan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan laman sesawang rasmi jabatan untuk mendapatkan maklumat terkini. Antara kompilasi lengkap ialah yang diterbitkan pada tahun 2015 yang menjadi rujukan utama kepada masyarakat yang telah diputuskan secara bersama oleh semua mufti negeri-negeri di Malaysia. (Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, 2015). Ia menghimpunkan kesemua 330 Fatwa daripada tahun 1970 hingga 2015 yang merangkumi 10 kategori, iaitu aqidah, ibadah, muamalat dan ekonomi, perubatan, zakat, munakahat, makanan dan minuman, pakaian dan lain-lain, haiwan dan sosial dan syariah. Pecahannya mengikut kategori adalah seperti berikut:

Jadual 1: Kategori Fatwa Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (1970-2015)

Kategori	Bilangan
Aqidah	41
Ibadah	25
Muamalat dan ekonomi	47
Perubatan	46
Zakat	27
Munakahat	29
Makanan dan minuman	16
Pakaian dan lain-lain	3
Haiwan	17
Sosial dan syariah	79
Jumlah	330

Sumber: Buku Kompilasi Pandangan Hukum 2015

Seterusnya, pemilihan sampel dari kategori muamalat dan ekonomi dibuat sebelum analisis dilakukan terhadap penggunaan maqasid shariah dalam fatwa tersebut. Berdasarkan kompilasi dalam kategori muamalat dan ekonomi ini, dapatan kajian adalah seperti berikut:

Jadual 2: Fatwa Muamalat dan Ekonomi

Fatwa Muamalat	No. Bilangan Fatwa
Wakaf	4, 11, 12, 18, 23, 26
Insurans	3, 27, 35, 36
Jual beli	20, 42, 47
Gadaian	22, 25
Takaful	28

Pelaburan	21, 24, 29, 37, 45
Kewangan	1, 5, 6, 7, 8, 10, 13, 14, 16, 39, 40, 41, 44
Ekonomi	2, 9, 15, 17, 19, 30, 31, 32, 33, 34, 38, 43, 46
Jumlah	47

Sumber: Buku Kompilasi Pandangan Hukum 2015

Merujuk jadual di atas, terdapat dua rangkuman muamalat, iaitu muamalat tradisional dan muamalat kontemporari. Muamalat tradisional meliputi wakaf, jual beli dan gadaian yang mengandungi isu-isu baharu seperti Saham Wakaf dan Wakaf Ganti (*Ibdal*) dalam pandangan hukum no. 4 dan Hukum Sistem Jualan Langsung (MLM) dalam pandangan hukum no. 20 serta pandangan hukum no. 25 tentang Pelaksanaan Skim Pajak Gadai Islam (Ar Rahnu) Di Malaysia (Cadangan Kadar Upah Simpan Barang Gadaian).

Bidang muamalat kontemporari pula merangkumi fatwa berkaitan insurans, takaful, pelaburan, kewangan dan ekonomi yang masih lagi berasaskan perundungan fiqh muamalat yang menjadi persoalan utama iaitu 76% atau 36 daripada 47 fatwa yang dikeluarkan. Jumlah ini menunjukkan masyarakat masih lagi memerlukan jawapan kepada persoalan muamalat semasa daripada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan walaupun terdapat keputusan hukum daripada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS BNM) dan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (MPS SSM).

2. Statistik Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri

Keputusan yang diputuskan melalui Majlis Fatwa Kebangsaan seterusnya disalurkan kepada setiap negeri untuk diwartakan. Jawatankuasa Fatwa Negeri pula, mempunyai kuasa sama ada untuk mewartakan fatwa tersebut sama sepertimana yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan atau memindanya. Oleh itu akan terdapat fatwa yang sama dan ada kalanya berbeza antara kedua-dua institusi ini. Selain fatwa yang diperturunkan daripada JKFK, kebiasaannya setiap fatwa yang dikeluarkan oleh negeri adalah merupakan jawapan bagi permasalahan yang menjadi persoalan masyarakat yang memerlukan penjelasan hukum. Ia juga dikategorikan sebagaimana yang ditunjukkan oleh fatwa JKFK.

Statistik fatwa yang dikumpul dalam kajian ini umumnya adalah statistik fatwa daripada tahun 1971 sehingga 2016. Bagaimanapun bagi melengkapkan analisis, fatwa-fatwa bagi tahun 2017 dan 2018 juga dimasukkan dalam perbincangan.

Jadual 3: Statistik Fatwa yang Diwartakan Mengikut Negeri

Negeri/ Kategori	Aqidah	Muamalat &Ekonomi	Zakat	Munakahat	Sosial &Syariah	Jumlah
W.						
Persekutuan	5	-	2	1	2	10
Selangor	40	30	27	2	34	133
Melaka	10	6	5	-	6	27
N.Sembilan	6	1	2	1	6	16
Johor	16	7	25	4	31	83
Pahang	12	2	-	1	5	20
Terengganu	7	2	-	1	2	12

Kelantan	14	-	1	-	2	17
Perak	2	-	-	-	1	3
Kedah	13	-	-	-	1	14
P. Pinang	30	64	11	11	237	353
Perlis	2	-	-	1	2	5
	6	-	1	-	-	7
Sarawak	1	-	-	-	-	1
Jumlah	164	112	74	22	329	701

Sumber: Laman web Jabatan Mufti Negeri (Laman sesawang jabatan mufti, 2017)

Jadual di atas menunjukkan lima kategori fatwa terbanyak yang diwartakan. Negeri Pulau Pinang merupakan negeri yang mendominasi pengeluaran fatwa berbanding dengan negeri-negeri lain. Hampir 80 peratus fatwa yang dikeluarkan merupakan fatwa mengenai tempat untuk solat Jumaat, pembinaan masjid di kawasan qariah dan kebenaran untuk solat Jumaat di masjid atau surau tertentu dalam kategori sosial dan syariah. Kemudian diikuti oleh negeri Selangor yang mengeluarkan fatwa terbanyak berkaitan dengan aqidah. Bagi negeri-negeri lain, tidak banyak fatwa yang diwartakan dan kebanyakannya adalah fatwa yang telah dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan seperti Pahang dengan fatwa berkaitan penyusuan anak angkat. (<http://mufti.pahang.gov.my/index.php/perkhidmatan/bahagian-fatwa/keputusan-fatwa/23-keputusan-fatwa-2011/81-hukum-menyusukan-anak-angkat.>)

Bagi kategori fatwa yang tidak diwartakan, negeri Pulau Pinang juga mendominasi jumlah pengeluaran fatwa tertinggi iaitu sebanyak 288 fatwa dalam bidang sosial dan syariah berbanding negeri-negeri lain diikuti oleh Wilayah Persekutuan sebanyak 60. Begitu juga dalam kategori fatwa muamalat dan ekonomi. Pulau Pinang mengatasi negeri-negeri lain dengan 90 fatwa dan diikuti dengan Negeri Sembilan sebanyak 18.

Secara keseluruhannya, kategori muamalat dan ekonomi mempunyai jumlah fatwa yang tinggi sama ada diwartakan (112) atau tidak diwartakan (186). Bagaimanapun fatwa dalam bidang syariah dan sosial adalah paling tinggi iaitu 329 diwartakan dan 552 yang tidak diwartakan. Dapatkan ini menjelaskan lagi bahawa persoalan muamalat semasa yang telah banyak dijelaskan oleh MPS BNM dan MPS SSM, tidak memerlukan masyarakat untuk mengemukakan persoalan kepada pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri dan ini membolehkan pihak JKFN menumpukan terhadap isu-isu yang lain. Jika dibandingkan jumlah fatwa yang diwartakan, iaitu 701 dan yang tidak diwartakan 1063, fatwa yang tidak diwartakan adalah lebih banyak dan munasabah kerana proses pewartaan itu sendiri mengambil masa yang lama dan perlu melalui pelbagai peringkat (Ahmad Hidayat, 2004).

Jadual 4: Statistik Fatwa yang Tidak Diwartakan Mengikut Negeri

Negeri/ Katagori	Aqidah	Ibadah	Muamalat	Sosial &Ekonomi	Pakaian &Syariah	Jumlah dll.
W. Persekutuan	3	45	4	60	33	145
Selangor	3	-	1	-	-	4
Melaka	1	-	-	-	-	1
N.Sembilan	6	4	18	39	3	70
Johor	5	9	6	10	7	37

Pahang	8	3	11	39	3	64
Terengganu	18	10	15	28	16	87
Kelantan	6	7	5	41	-	59
Perak	6	3	5	1	-	15
Kedah	3	22	4	10	4	43
P. Pinang	26	5	90	288	-	409
Perlis	17	5	11	11	4	48
Sabah	1	1	1	3	-	6
Sarawak	22	12	15	22	4	75
Jumlah	125	126	186	552	74	1063

Sumber: Laman web Jabatan Mufti Negeri 2017

Sebelum analisis lebih lanjut dilakukan terhadap pemakaian elemen maqasid shariah dalam fatwa muamalat, statistik seterusnya akan memperincikan kategori muamalat dan ekonomi bagi negeri Pulau Pinang dan Selangor sebagai sampel pengeluaran fatwa oleh JKFN. Kompilasi merangkumi fatwa yang diwartakan dan yang tidak diwartakan adalah seperti berikut:

Jadual 5: Fatwa Muamalat dan Ekonomi Negeri Pulau Pinang

Item Muamalat	No./ Bilangan Fatwa
Wakaf	5,8,14,15,19,28,31,32,34, 38, 44, 46 (Diwartakan) 45 (Tidak diwartakan)
Insurans	Tiada
Jual beli	6 (Tidak diwartakan)
Gadaian	Tiada
Takaful	Tiada
Pelaburan	3
Kewangan	5 (Tidak Diwartakan)
Ekonomi	15 (Tidak Diwartakan)
Jumlah	86

Sumber: Laman web Jabatan Mufti Negeri 2017

Berdasarkan dapatan di atas, wakaf adalah jenis fatwa yang terbanyak (57) dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri diikuti oleh fatwa ekonomi (15), kewangan (5) dan pelaburan (3) manakala jenis-jenis lain tidak terdapat fatwa yang ditemui.

Jadual 6: Statistik Jenis Fatwa Muamalat dan Ekonomi Negeri Selangor

Item Muamalat	Bilangan Fatwa
Wakaf	21
Insurans	2
Jual beli	4
Gadaian	1
Takaful	1
Pelaburan	2
Kewangan	10

Ekonomi	18
Jumlah	59

Sumber: Laman web Jabatan Mufti Negeri 2017

Statistik di atas menunjukkan Selangor juga mempunyai trend yang sama dengan Pulau Pinang yang mana wakaf adalah jenis fatwa yang terbanyak (21) dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri diikuti oleh fatwa ekonomi (18), kewangan (10), jual beli (4), insurans (2), pelaburan (2), gadaian (1) dan takaful (1).

Pemakaian Elemen-elemen Maqasid Shariah dalam Fatwa Muamalat

Terdapat enam asas-asas pemakaian maqasid shariah dalam hukum muamalat bagi memastikan sesuatu transaksi itu sah dan menepati kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat. Asas-asas tersebut ialah yang berkaitan dengan konsep, falsafah dan prinsip muamalat (Hailani, 1998 dan Mohd Ma'sum, 2006). Salah satu konsep dan falsafah dalam muamalat adalah keselariannya dengan akidah, akhlak dan maqasid. Justeru, segala transaksi yang dilakukan perlulah selari dengan akidah dan dilakukan dengan berakhlak dan beretika agar menjadi ibadah dan mencapai tujuan Syarak di dunia dan akhirat. Manakala prinsip-prinsip yang memastikan pencapaian maqasid shariah ialah meraikan `illah, masalih dan maqasid, penjagaan harta sebagai dasar syariat yang umum dan kaedah asal dalam muamalat adalah merujuk kepada maqasid (Muhammad Sharif Basir dan Hisham Sabri, 2008 dan Akhtar Zeiti, 2008). Oleh itu, tidak syak lagi pemakaian maqasid adalah suatu kemestian khususnya dalam fatwa muamalat bagi menjadikan sesuatu fatwa itu lebih dinamik dan memenuhi keperluan dan situasi semasa.

Justeru, kajian ini akan membuat penilaian terhadap pemakaian maqasid shariah dalam fatwa berkaitan muamalat yang melibatkan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri. Analisis dan perbincangan akan dilakukan terhadap himpunan atau kompilasi fatwa dan data temu bual yang dijalankan. Tujuannya adalah bagi menilai pemakaian maqasid shariah, kaedah dan kesan penggunaannya.

1. Kaedah Penilaian

Berdasarkan perbincangan para ulama dan sarjana, maslahah insan di dunia dan akhirat adalah menjadi tujuan utama dalam pentaklifan hukum Syarak. Justeru, bagi memastikan pencapaian maqasid shariah, penyelidik menggunakan lima elemen yang menentukan kewujudan penggunaan maqasid shariah dalam sesuatu fatwa atau resolusi yang dikeluarkan. Cadangan ini adalah berdasarkan inferens yang dibuat terhadap pandangan para ulama *maqasidi* dahulu dan masa kini seperti al-Ghazali, al-Shatibi, `Izz al-Din, Ibn `Ashur, al-Raysuni, al-Buti, al-Fasi, al-Khadami dan al-Qaradawi.

Pertama, mengkategorikan sesuatu isu itu sama ada berada dalam kategori *daruriyyat* (sangat penting), *hajiyat* (keperluan) atau *tahsiniyyat* (kesempurnaan). Penentuan ini penting bagi menentukan keutamaan dalam membuat sesuatu keputusan bagi memenuhi objektif Syarak. Kedua, berasaskan kepada aspek-aspek penjagaan agama, diri, akal, keturunan dan harta atau menghapuskan sebarang kemudarat yang mencerobohi aspek-aspek ini. Ketiga, mendahulukan maslahah ramai daripada maslahah individu apabila berlaku pertembungan bagi memastikan pencapaian maqasid shariah. Keempat, menggunakan istilah-istilah yang mempunyai maksud maqasid shariah *maslahah*, *hikmah*, `illah dan rahsia Syarak dan Kelima, menolak keburukan didahulukan dari mencapai kemanfaatan (al-Khadami, 2003 dan al-Buti, 2001).

2. Huraian Pemakaian Elemen-elemen Maqasid Shariah dalam Fatwa Amanah Saham Nasional oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia adalah bersifat nasional dan menjaga kepentingan ummah. Sejumlah 47 fatwa berkaitan muamalat dan ekonomi telah dikeluarkan oleh JKFK. Salah satu fatwa yang menjadi kontroversi pada peringkat awalnya ialah berkaitan dengan Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang diuruskan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) (Fatwa no. 29, <http://e-muamalat.islam.gov.my/ms/bahan-ilmiah/fatwa-muamalat/117-pelaburan-dalam-asn-asb-dan-seumpamanya>, 8 Oktober 2018). Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah memutuskan adalah harus pelaburan, dividen dan bonus ASN, ASB dan seumpamanya. Keputusan yang dibuat ini adalah menggunakan elemen asas maqasid shariah yang jelas, iaitu *hifz al-mal*, keadilan dan maslahah, penjagaan lima perkara *daruriyyat* dan mengelakkan kemudarat yang lebih besar (<http://e-muamalat.islam.gov.my/ms/bahan-ilmiah/fatwa-muamalat/117-pelaburan-dalam-asn-asb-dan-seumpamanya>).

Maslahah dari sudut ekonomi juga menjadi pertimbangan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan iaitu skop pelaburan PNB dalam Maybank. Hal ini kerana sekiranya PNB melepaskan pegangannya dalam Maybank yang merupakan satu institusi perbankan Islam terbesar di Asia Pasifik, bukan hanya akan meruntuhkan ekonomi pemegang saham yang majoriti adalah orang Melayu Islam, bahkan akan memberi kesan besar kepada situasi ekonomi negara dan banyak organisasi berkaitan orang Islam. Ia juga boleh menjelaskan peluang pekerjaan yang melibatkan 16,531 kakitangan Bumiputera Islam. Pemakaian elemen maqasid shariah dalam aspek penjagaan harta (hal ehwal ekonomi) merupakan antara lima perkara asas yang penting (*daruriyyat al-khamsah*)

Di samping itu, PNB juga tidak membuat pelaburan dalam perkara yang haram seperti arak, judi dan pelacuran. Percampuran halal dan haram dalam pelaburan di Maybank membabitkan 70% pelaburan yang menepati syariah dan hanya 30% sahaja yang dianggap tidak patuh syariah. PNB juga telah meningkatkan pelaburan di kalangan umat Islam. Dalam hal ini, maslahah umat Islam adalah penting dan kemudarat yang lebih besar perlu dielakkan. Walaupun demikian haruslah ada usaha yang bersungguh-sungguh oleh pihak PNB bagi meningkatkan pelaburan yang patuh syariah kepada 75% dalam tempoh tiga tahun sebagaimana yang disyaratkan oleh fatwa di Selangor dan Pulau Pinang di samping melihat kesan fatwa itu terhadap rakyat agar tiada pengabaian aspek keadilan dan ketelusan. Secara ringkas pemetaan fatwa dan elemen maqasid shariah dapat dilihat dalam jadual di bawah.

Jadual 7: Pemetaan Elemen Maqasid Shariah dengan Fatwa Amanah Saham Nasional

Fatwa	Elemen Khusus Maqasid Shari`ah				
Kategori <i>daruriyyat</i> atau <i>hajiiyyat</i> atau <i>tahsiniyyat</i>	Menjaga agama, diri, akal, keturunan harta	Mendahulukan maslahah ramai daripada individu	Menggunakan istilah maslahah, hikmah, `illah dan Syarak	Menolak keburukan didahulukan rahsia daripada mendapat kemanfaatan	

Amanah	/	/	/	/	/
Saham					
Nasional					

Sumber: Penyelidikan

3. Huraian Pemakaian Elemen-elemen Maqasid Shariah dalam Fatwa Hukum Penyaluran Hasil *Gharamah* Institusi Kewangan Islam Ke Baitulmal oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor

Berdasarkan keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang diwartakan pada 7 Oktober 2013 adalah diharuskan mengenakan *gharamah* atau denda ke atas penerima biaya yang mungkir berasaskan Hadis Rasulullah S.A.W. yang menyifatkan kelewatan pembayaran hutang oleh orang yang berkemampuan sebagai satu kezaliman (kemudaratan kepada pemberi biaya) dan boleh memudaratkan Institusi Kewangan Islam. Ia menepati elemen maqasid shariah iaitu sebagai satu keperluan (*hajiyyat*) dan elemen menolak kemudaratan didahulukan daripada mendapatkan kemanfaatan. Bagaimanapun, *gharamah* yang dihasilkan dalam Institusi Kewangan Islam perlu disalurkan kepada Baitulmal bagi memastikan penggunaan harta tersebut menepati *maslahat `ammah* (kemaslahatan umum) umat Islam selaras dengan kedudukan dan fungsi Baitulmal sebagai Institusi tertinggi dalam menguruskan wang dan harta umat Islam. Penjelasan lanjut boleh dilihat dalam jadual pemetaan di bawah (Laman sesawang Jabatan Mufti Negeri Selangor, <http://www.muftiselangor.gov.my/awam/fatwa/fatwa-terkini/309-hukum-penyaluran-hasil-gharamah-institusi-kewangan-islam-ke-baitulmal>).

Jadual 8: Pemetaan Elemen Maqasid shariah dengan Fatwa Penyaluran Harta *Gharamah* ke Baitulmal

Fatwa/Resolusi	Elemen Khusus Maqasid Shariah				
	Kategori <i>daruriyyat</i>	Menjaga agama, diri, akal, keturunan	Mendahulukan maslahah ramai daripada individu	Menggunakan istilah maslahah, hikmah, `illah	Menolak keburukan didahulukan daripada rahsia Syarak
Penyaluran harta <i>gharamah</i>	/	-	/	/	/

Sumber: Penyelidikan

Fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri dalam kategori muamalat/ekonomi dan dalam kategori-kategori yang lain kebiasaannya adalah berunsur tempatan kerana persoalan yang dibangkitkan adalah daripada masyarakat di negeri yang berkenaan. Oleh itu, keputusan hukum itu juga lebih menumpukan terhadap realiti yang berlaku di negeri tersebut. Ini menjadi salah satu dari prinsip dalam penggunaan maqasid shariah, iaitu mengambil kira keadaan tempatan.

KESIMPULAN

Pendekatan *maqasidi*, iaitu merujuk kepada maqasid shariah merupakan alternatif yang sesuai untuk mengelakkan fatwa yang masih menggunakan hukum yang asal berbanding perubahan semasa dan setempat, terutama sekali dalam bidang kewangan Islam bagi memastikan fatwa tersebut memenuhi keperluan perkembangan sistem berkenaan terutama dalam persaingan dengan sistem konvensional Mahmood Zuhdi (2012).

Pandangannya turut disokong oleh Irwan (2012) yang menegaskan bahawa pemakaian elemen-elemen maqasid shariah dalam mengeluarkan hukum daripada nas atau semasa proses ijтиhad yang tiada nas, adalah untuk merealisasikan maslahah insan dalam bentuk menolak kemudaratan dari mereka sekaligus mencapai kebaikan. Pemakaian juga dilakukan apabila berlaku perubahan terhadap fatwa yang telah dikeluarkan sebagaimana yang berlaku terhadap fatwa Amanah Saham Nasional.

Statistik fatwa juga menunjukkan bahawa fatwa bagi kategori muamalat/ekonomi banyak menerima persoalan dari masyarakat dan memerlukan jawapan. Dalam hal ini, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri menjadi penyelesai terhadap persoalan dan kekeliruan dalam sesuatu isu masyarakat sama ada di peringkat nasional atau tempatan. Oleh itu, prinsip-prinsip dan falsafah dalam muamalat serta maqasid shariah dalam kehartaan telah digunakan untuk memperkasa institusi-institusi ini dan fatwa yang telah dikeluarkan.

Berdasarkan perbincangan di atas, institusi-institusi ini telah menggunakan elemen-elemen maqasid shariah sebagai asas dalam beberapa fatwa, resolusi dan keputusan shariah sama ada menggunakan salah satu, dua, tiga atau keseluruhan elemen maqasid shariah di samping hujahan-hujahan yang lain. Bagaimanapun sesetengah fatwa diubah apabila terdapat maklumat yang baharu berdasarkan situasi semasa, bukan sahaja kerana wujudnya elemen-elemen maqasid shariah tersebut.

RUJUKAN

- Abdul Shukor Husin. (2012). *Ke Arah Penyelarasan Fatwa di Malaysia*. Prosiding Seminar Kebangsaan Penguatkuasaan Fatwa Di Malaysia.
- Akhtar Zeiti ‘Abd al-‘Aziz. (2008). *al-Mu’amalat al-Maliyyah al-Mu‘asarah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Marbawi. (1935). *Kamus al-Marbawi*. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh).
- al-Qaradawi. (1989M/ 1410H). *al-Ijtihad fi al-Shari‘ah al-Islamiyyah*. (c. 2). al-Safah: Dar al-Qalam.
- al-Subki. (1425H/2004M). *al-Ibhaj fi Sharh al-Minhaj `ala Minhaj al-Wusul ila `Ilm al-Usul li al-Qadi Nasir al-Din al-Baydawi*, (2). Mekah: al-Maktabah al-Makkiyyah,).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Terengganu 2001.
- Hailani Muji Tahir. (1998). *Mekanisme Fiqh Muamalat dalam Perniagaan dan Perdagangan. Dalam Isu Syariah dan Undang-undang*, (siri 4). sunt. Abdul Basir bin Haji Mohammad dan Jafril Khalil. Bangi: Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Haji Wan Salim bin Wan Mohd (Sahibus Samahah Dato' Seri Mufti Negeri Pulau Pinang) dalam temu bual bersama penyelidik, 19 Mac 2015.
- Harussani Haji Zakaria. (2012). *Penjelasan Terhadap Kekeliruan Mengenai Fatwa yang Diwartakan*. Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelarasan Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia. JAKIM dengan Kerjasama USIM. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

- Hasnan Kasan. (2008). *Institusi Fatwa Di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibn Manzur. (t.t.). Lisan al-`Arab. (j. 15). Beirut: Dar Sadir..
- Irwan bin Muhammad Subri. (2012). *al-Ahkam wa al-Fatawa al-Shar`iyyah Bayna al-Thabat wa al-Taghayyur*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. (2016). <http://www.jakess.gov.my> (Dicapai pada 23 Mac 2016).
- Jabatan Mufti Negeri Trengganu. (2012). *Koleksi Warta Fatwa Negeri Terengganu Darul Iman. Kuala Terengganu: Jabatan Mufti Terengganu*.
- Jabatan Mufti Pahang. (2018). <http://mufti.pahang.gov.my/index.php/perkhidmatan/bahagian-fatwa/keputusan-fatwa/23-keputusan-fatwa-2011/81-hukum-menyusukan-anak-angkat>. (Diakses pada 8 Oktober 2018).
- Jabatan Mufti Selangor. (2016). <http://www.muftiselangor.gov.my> (Diakses pada 23 Mac 2016).
- Jabatan Mufti Selangor. <http://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-personalisation/proses-fatwa> 2018. (Diakses pada 8 Oktober 2018).
- JAKIM. (2015). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Putrajaya: JAKIM.
- JAKIM. http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/latar_belakang/penubuhan. (Dicapai pada 8 Oktober 2018).
- Luqmanulhakim bin Hussain. (2013). *Ijtihad Jama`i dalam Penetapan Hukum Syarak: Aplikasi di Malaysia*. Monograf INFAD 1. 28.
- Mahamad Naser Desa (2012). *Analisa Terhadap Akta/ Enakmen Jenayah Syariah Mengenai Pelanggaran Fatwa*. Prosiding Seminar Kebangsaan Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia.
- Mohamad Akram Laldin. (2015). Profesor dan Pengarah International Shari`ah Research Academy For Islamic Finance (ISRA)), dalam temu bual dengan penyelidik, 5 Mac 2015.
- Mohamed Azam Mohamed Adil. (2016). *Standardization of Fatwa in Malaysia: Issues, Concerns and Expectation*. Journal Islam and Civilisational Renewal 6 (no. 2 April 2016), 196.
- Mohd Ma'sum Billah. (1426H/2006M). *Shari`ah Standard of Business Contract* . Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Muhammad Abu Zuhrah. (1957). *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Fikr al-`Arabi.
- Muhammad Ibn Muhammad al-Ghazali. (1993M/1414H). *al-Mustasfa min `Ilm al-Usul*, (j. 1), (c. 3), Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-`Arabi Mu'assasah al-Tarikh al-`Arabi.
- Muhammad Khalid Mas'ud. (1996). *Muftis, Fatwa and Islamic Legal Tradition*. Dalam (Muhammad Khalid Mas'ud et.al.), *Islamic Legal Interpretation: Muftis and Their Fatwas*, (4). Cambridge Mass: Harvard University Press.
- Muhammad Sa`id Ramadan al-Buti. (2001M/1422H). *Dawabit al-Maslalah fi al-Shari`ah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Muhammad Sharif Bashir dan Hisham Sabri. (2008M/1429H). *Maqasid al-Shari`ah al-Islamiyyah wa Tatbiqatuhu fi al-Mu'amalat al-Maliyyah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Suwaid Tapah. (2004). *Perundungan dan Penguatkuasaan Fatwa*. Dalam Ahmad Hidayat Buang, (penyt.), Fatwa di Malaysia. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Zaini Nasohah. (2005). *Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia*. Islamiyyat 27(1) 27.